KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **1 DISEMBER 2023**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 1/12/2023
M/SURAT: 7

# Warga asing guna bilik sewa buka kedai runcit, jual daging



PENGUAT KUASA KPDN memeriksa barangan yang dijual di kedai runcit yang diusahakan warga asing Bangladesh di Plaza Melaka Sentral, Melaka semalam. – SYAFEEQ AHMAD

**MELAKA** – Pekerja asing warga Bangladesh di negeri ini dikesan bukan sahaja menyewa bilik untuk dijadikan tempat tinggal tetapi turut menggunakan ruang itu sebagai kedai runcit di bangunan di Plaza Melaka Sentral di sini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka, Norena Jaafar berkata, kegiatan itu terbongkar dalam satu serbuan dilakukan sepasukan penguat kuasa di tingkat satu dan dua bangunan tersebut, semalam.

Katanya, pemeriksaan lanjut di lokasi menjumpai pelbagai barangan kawalan tanpa permit termasuk produk berasaskan minyak.

"Tindakan ini diambil selepas kita menerima aduan orang ramai yang tidak selesa dengan kemunculan 'mini Dhaka' di kawasan ini.

"Serbuan dilakukan mendapati warga asing ini bukan sahaja menyewa bilik tetapi turut menjadikan ruang itu sebagai kedai runcit dan menjual pelbagai barangan dapur termasuk daging mentah," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Tambah Norena, tingkat dua premis itu pula padat dengan pembahagian 10 bilik sewa yang didiami warga asing berkenaan.

Mengulas lanjut beliau memberitahu, kegiatan perniagaan haram itu dikaburi dengan langsir labuh yang dipasang pada cermin di tingkat dua agar kelihatan seperti bilik tidur.

"Ini adalah kes pertama dikesan KPDN Melaka dan keadaannya begitu teruk dan berharap PBT (pihak berkuasa tempatan), Jabatan Imigresen dapat sama membantu memeriksa kawasan ini.

"Barangan yang dijual itu disita kerana melanggar Perintah Kawalan Harga," jelasnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 1 DISEMBER 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 1-Dec | Mini Dhaka di Plaza Melaka Sentral diserbu KPDN | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/mini-dhaka-di-plaza-melaka-sentral-diserbu-kpdn/ | UM |
| 1-Dec | Mini Dhaka: Bilik warga asing jadi kedai runcit, potong daging segar | https://malaysiagazette.com/2023/11/30/mini-dhaka-bilik-warga-asing-jadi-kedai-runcit-potong-daging-segar/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 1-Dec | Laluan tangga jadi 'port' warga asing potong daging | https://www.sinarharian.com.my/article/637361/berita/semasa/laluan-tangga-jadi-port-warga-asing-potong-daging | SH |
| 1-Dec | KPDN serbu premis jual kasut berjenama tiruan | https://www.sinarharian.com.my/article/637288/berita/semasa/kpdn-serbu-premis-jual-kasut-berjenama-tiruan | SH |
| 1-Dec | Two-pronged action plan on chicken, pork supply | https://www.dailyexpress.com.my/news/224506/two-pronged-action-plan-on-chicken-pork-supply/ | DAILYEXPRESS |
| 1-Dec | Menteri gesa pengguna jawab tinjauan subsidi bersasar KPDN | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/30/menteri-gesa-pengguna-jawab-tinjauan- | FMT |
| 1-Dec | Menteri Gesa Pengguna Jawab Tinjauan Subsidi Bersasar KPDN | https://www.google.com/amp/s/www.malaysiamarketing.my/menteri-gesa-pengguna-jawab-tinjauan-subsidi-bersasar-kpdn/ | MALAYSIAMARKETING |
| 1-Dec | KPDN Selangor serbu ‘lubuk’ kasut tiruan | https://youtu.be/7ARrfErmxVo?si=UIsFot7AbXkXC_pU | SELANGORTV |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT